

10/01/1998

MB, KM terajui NEAC negeri

Faizal Fadzil; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) ditubuhkan di peringkat negeri dengan Ketua Menteri dan Menteri Besar, termasuk Kelantan masing-masing dilantik sebagai pengerusi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata NEAC peringkat negeri berfungsi sebagai penyelaras dan mengambil tindakan segera apa yang berlaku di peringkat akar umbi berikutan kegawatan ekonomi negara sekarang.

Menurutnya, majlis itu bertanggungjawab memberi penjelasan kepada rakyat mengenai keadaan ekonomi negara ketika ini dan strategi yang diambil oleh kerajaan.

"Apa yang dihadapi negara ketika ini menampakkan betapa pentingnya masyarakat umum diberi penjelasan mengenai keadaan sebenar supaya mereka dapat menghadapi situasi sekarang dengan lebih baik.

"Kita sekarang menghadapi ekonomi yang meleset sedikit. Oleh itu, kita kena menerima hakikat bahawa kita tidak lagi boleh hidup mewah seperti dulu.

"Untuk itu, kita kena beli barangan tempatan, perlu meningkatkan eksport barangan dan perlu mengurangkan kemewahan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang berlangsung hampir tiga jam, di sini hari ini.

Bulan lalu, Kabinet memberi kuasa kepada NEAC untuk membuat keputusan berhubung ekonomi negara tetapi ia masih perlu mengemukakan laporan kepada Kabinet dari semasa ke semasa.

Tugas utama majlis yang dipengerusikan Perdana Menteri itu ialah memastikan strategi yang menekankan peningkatan daya saing negara dalam pasaran antarabangsa itu mencapai kejayaan.

Antara lain strategi itu merangkumi pengawalan harga dan perbelanjaan dalam negeri melalui pengurangan import dan pembaziran yang membabitkan mata wang asing dan meningkatkan eksport ke tahap tertinggi untuk menghapuskan defisit imbalan pembayaran, bahkan untuk mencapai lebihan dalam imbalan pembayaran.

Ditanya mengenai sambutan rakyat terhadap langkah kerajaan menangani masalah ekonomi setakat ini, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati.

"Ada rakyat yang menyuarakan sokongan kepada kerajaan. Saya tak minta, tak kenal pun mereka, tetapi mereka secara sukarela sokong. Saya yakin ini adalah ikhlas," katanya.

Perdana Menteri berkata, NEAC peringkat negeri harus membuat lawatan di peringkat akar umbi bagi melihat sama ada rakyat menghadapi kesulitan berikutan kegawatan ekonomi ketika ini.

Menurut Perdana Menteri, majlis itu juga harus memberi pertolongan bagi memudahkan urusan perniagaan.

(END)